

## PruBSN Cegah – Soalan-soalan Lazim

## Ciri-ciri Pelan

## 1. Apakah PruBSN Cegah?

PruBSN Cegah adalah suatu pelan takaful berkelompok bagi penyakit kritikal. Ahli yang Dilindungi untuk pelan ini adalah ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang layak yang berumur antara 19 hingga 60 tahun pada hari lahir yang akan datang. PruBSN Cegah ialah pelan selama setahun yang memberi perlindungan terhadap Demam Denggi dan sebanyak 43 Penyakit Kritis yang dilindungi. Tiada amaun akan dibayar apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia. PruBSN Cegah ialah produk patuh Shariah.

## 2. Apakah manfaat yang ditawarkan oleh PruBSN Cegah?

Manfaat-manfaat		Jumlah Dilindungi
Manfaat Penyakit Kritis	<p>Sekiranya Ahli yang Dilindungi didiagnosis dengan Penyakit Kritis yang dilindungi, 100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar daripada Dana Tabarru'.</p> <p>Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk senarai penuh Penyakit Kritis yang dilindungi bagi pelan ini.</p> <p><b>Nota:</b> 10% daripada jumlah dilindungi tertakluk kepada maksimum RM25,000 akan dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari.</p>	RM10,000 hingga RM100,000 (dalam gandaan RM5,000)
Manfaat Demam Denggi	<p>Sekiranya Ahli yang Dilindungi didiagnosis dengan Demam Denggi, 100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar daripada Dana Tabarru'.</p> <p><b>Nota:</b> Diagnosis perlu dijalankan oleh doktor yang berkelayakan, disertakan dengan keputusan ujian pengesahan. Manfaat Demam Denggi hanya akan dibayar sekali sahaja untuk setiap Ahli yang Dilindungi.</p>	RM500

## 3. Siapakah yang boleh menyertai PruBSN Cegah?

Anda boleh serta pelan ini sekiranya anda merupakan ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur antara 19 hingga 60 tahun (umur pada hari lahir yang akan datang), tertakluk kepada terma dan syarat oleh KWSP.

## 4. Bagaimanakah untuk menyertai PruBSN Cegah?

Log masuk ke Portal KWSP i-Akaun > masuk ke tab 'i-Lindung' > pilih PruBSN Cegah > lengkapkan maklumat di portal PruBSN > lengkapkan kebenaran untuk pengeluaran daripada Akaun KWSP melalui Gerbang Pemindahan ("Transfer Gateway") KWSP i-Akaun.

## 5. Bagaimanakah PruBSN Cegah berfungsi?

PruBSN Cegah adalah berdasarkan konsep takaful yang mana Ahli yang Dilindungi memberikan bantuan sesama kepada satu sama lain apabila berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini. Sebahagian daripada sumbangan anda akan ditolak sebagai caj Wakalah pendahuluan, iaitu caj yang dikenakan di bawah sijil anda untuk perkhidmatan yang diberikan, dan bakinya akan dimasukkan ke dalam Dana Tabarru' sebagai Potongan Tabarru'. Wang yang dikumpulkan di dalam dana tersebut akan digunakan untuk membayar tuntutan yang dibuat oleh mana-mana peserta. Anda mungkin layak untuk mendapat sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Tabarru', jika ada. Sila rujuk Soalan 6 untuk butiran lanjut.

**6. Adakah saya akan menikmati lebihan?**

Anda mungkin layak untuk mendapat sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada. Bersama-sama dengan Ahli yang Dilindungi yang lain, anda layak untuk menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi kerana mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru'*, PruBSN tidak akan membayar sebarang lebihan pada tahun kewangan tersebut. PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut dengan menggunakan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan membawa ke hadapan *Qard* tersebut ke tahun kewangan berikutnya. PruBSN mungkin akan menggunakan sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik *Qard* tersebut. Sebarang baki selepas pembayaran balik pinjaman akan dianggap sebagai lebihan yang boleh diagihkan.

**7. Bagaimakah boleh saya mengetahui lebih lanjut mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat PruBSN Cegah?**

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut.

**8. Bolehkah saya menukar jumlah dilindungi bagi sijil PruBSN Cegah saya?**

Anda tidak boleh membuat pindaan ke atas jumlah dilindungi semasa tempoh perlindungan, Walau bagaimanapun, sekiranya anda memerlukan perlindungan tambahan, anda boleh mempertimbangkan untuk menyertai sijil PruBSN Cegah yang lain, atau anda boleh menghubungi PruBSN untuk mengetahui tentang produk-produk lain yang ditawarkan oleh PruBSN.

**9. Apakah tempoh menunggu di bawah PruBSN Cegah?**

Ya. Berikut adalah tempoh menunggu yang berkenaan untuk manfaat di bawah PruBSN Cegah:

Manfaat-manfaat	Keadaan	Tempoh Menunggu
Manfaat Penyakit Kritikal	Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan Kanser.	60 hari
	Semua penyakit lain yang dilindungi	30 hari
Manfaat Demam Denggi	Denggi	15 hari

Ini bermaksud bahawa kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu bagi setiap manfaat dari tarikh permulaan perlindungan anda.

**10. Apakah pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah PruBSN Cegah?**

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk, Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lebih lanjut.

**11. Bolehkah saya menyertai PruBSN Cegah melalui agen PruBSN saya?**

Tidak, penyertaan pelan ini hanya boleh dibuat melalui portal dalam talian KWSP i-Akaun sahaja.

**Sumbangan dan Caj**

**12. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk bagi sumbangan untuk pelan ini. Sumbangan yang dibayar adalah tertakluk kepada umur kemasukan, jantina dan status merokok Ahli yang Dilindungi, dan jumlah dilindungi dipilih.

**13. Bagaimakah boleh saya bayar sumbangan bagi pelan ini?**

Bayaran sumbangan bagi pelan ini boleh dibuat melalui pengeluaran daripada Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

**14. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan untuk PruBSN Cegah?**

SST tidak akan dikenakan untuk PruBSN Cegah. Walau bagaimanapun, cukai boleh dikenakan pada bila-bila masa di mana-mana bahagian sumbangan, atau sebarang pembayaran yang dikenakan atau pembayaran dari anda untuk pelan ini. Sekiranya demikian, anda akan membayar cukai pada kadar semasa yang dikenakan.

**15. Adakah sumbangan yang dibayar untuk PruBSN Cegah layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?**

Ya, sumbangan yang dibayar mungkin melayakkan anda untuk perlepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada terma dan syarat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**16. Apakah caj-caj yang ada di bawah PruBSN Cegah?**

Caj *Wakalah* Pendahuluan sebanyak 20% akan ditolak daripada sumbangan anda dan baki sebanyak 80% daripada sumbangan akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai Potongan *Tabarru'*.

**Pengunderitan****17. Adakah saya perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan, kesihatan atau kewangan untuk menyertai PruBSN Cegah?**

Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atau kesihatan untuk menyertai PruBSN Cegah. Namun demikian, penilaian Pencegahan Pengubahan Wang Haram adalah perlu dan akan dijalankan oleh PruBSN.

**18. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya salah / tersilap mengisyiharkan maklumat?**

Apabila menjawab soalan yang ditanya oleh pihak PruBSN, anda mestilah mengisyiharkan segala fakta yang relevan yang anda sepatutnya tahu sebaik pengetahuan anda dan atas niat baik dan tiada maklumat yang penting yang disembunyikan dan ini akan menjadi asas kepada kontrak perlindungan takaful. PruBSN akan mengesahkan maklumat dan deklarasi yang diberikan oleh anda dan boleh membatalkan sijil sekiranya terdapat maklumat yang diberikan tidak tepat. Sila rujuk Sijil Induk dan Ringkasan Sijil untuk maklumat lanjut tentang salah nyata / penipuan.

**19. Saya sudah mempunyai sijil PruBSN Cegah sedia ada, bolehkah saya menyertai dalam sijil yang baru?**

Ya, anda boleh menyertai dalam beberapa sijil PruBSN Cegah sehingga amaun perlindungan yang digabungkan ialah RM 100,000.

**Perkhidmatan Sijil****20. Selepas saya menyertai PruBSN Cegah, siapakah yang perlu saya hubungi untuk perkhidmatan sijil?**

Anda boleh menyelenggarakan sijil anda seperti menukar butir-butir perhubungan, alamat dan membatalkan sijil anda dengan menghubungi, menulis e-mel, atau melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN. Sila rujuk Soalan 22 untuk maklumat lanjut.

**21. Bagaimanakah saya akan menerima Ringkasan Sijil saya selepas menyertai PruBSN Cegah?**

Apabila penyertaan anda berjaya, anda akan menerima pengesahan segera dan akan menerima Ringkasan Sijil melalui e-mel. Anda juga boleh menyemak Ringkasan Sijil anda melalui 'Pelan Saya' di dalam portal KWSP i-Akaun.

**22. Bolehkah saya membatalkan sijil selepas penyertaan?**

Anda boleh memilih untuk membatalkan sijil anda dengan menghubungi, menulis e-mel, atau melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN pada bila-bila masa yang anda inginkan. Sekiranya anda membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari yang pertama selepas menyertai pelan ini, PruBSN akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas 15 hari, PruBSN akan mengembalikan potongan *Tabarru'* yang belum digunakan, jika ada, yang dinyatakan sebagai peratusan sumbangan yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Bilangan bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Sijil Takaful Ahli yang Dilindungi	Potongan Tabarru` yang belum digunakan (% sumbangan yang dibayar)
1	73.3%
2	66.7%
3	60.0%
4	53.3%
5	46.7%
6	40.0%
7	33.3%
8	26.7%
9	20.0%
10	13.3%
11	6.7%
12	0.0%

Anda akan menerima pemulangan tersebut melalui Akaun KWSP anda sekiranya pembayaran dibuat sebelum anda mencapai umur 55 tahun, jika sebaliknya wang tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda, berdasarkan maklumat perbankan yang anda berikan kepada PruBSN. Pemulangan ini juga akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda jika Akaun KWSP anda tidak aktif semasa pembayaran dibuat.

Sila ambil perhatian bahawa anda tidak boleh menguatkusakan semula sijil anda selepas anda membatalkannya. Ini bermakna anda tidak akan lagi dilindungi di bawah pelan ini. Sekiranya anda berhasrat untuk menyertai semula, anda perlu menghantar permohonan untuk penyertaan yang baru. Sila pertimbangkan dengan teliti adakah pembatalan perlindungan adalah keputusan yang terbaik untuk anda.

## Penamaan

### 23. Mengapakah ia adalah penting untuk membuat penamaan?

Penamaan adalah penting untuk memastikan orang kesayangan anda akan menerima manfaat seperti yang anda inginkan dan manfaat-manfaat di bawah sijil boleh dibuat oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Penama tersebut boleh menjadi pelaksana (*wasi*) atau penerima manfaat dibawah *Hibah* (Hadiah) bersyarat. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat di bawah sijil akan dibayar kepada pelaksana atau pentadbir anda yang sah untuk mengagihkan wang tersebut mengikut undang-undang pengagihan yang berkaitan. Proses ini mungkin akan memakan masa.

Adalah penting untuk anda memkalumkan kepada penama anda mengenai manfaat sijil dan penamaan.

### 24. Siapakah yang saya boleh namakan sebagai penama untuk sijil saya?

- (i) Penama mestilah seorang individu. Penamaan kepada sesuatu organisasi adalah tidak dibenarkan.
- (ii) Sekiranya penama anda adalah di bawah umur 18 (lapan belas) tahun semasa tuntutan dibuat, semua manfaat akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau penuntut yang wajar, iaitu penjaga yang sah, tertakluk kepada bukti undang-undang / dokumen sokongan yang berkenaan.

### 25. Bagaimakah untuk membuat penamaan?

Anda boleh memutuskan siapa yang akan dinamakan penama kepada sijil ini untuk menerima manfaat-manfaat di bawah sijil dengan melengkapi borang penamaan bersama butiran saksi dan menghantar borang penamaan melalui saluran berikut atau sebarang saluran lain yang mungkin disediakan oleh PruBSN untuk anda dari semasa ke semasa:

- a) lawat mana-mana Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
- b) emel ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my).

Borang penamaan akan disediakan untuk anda:

- a) di Cawangan Prudential atau PruBSN; atau
- b) di laman web korporat PruBSN <https://www.prubsn.com.my/>; atau
- c) di dalam emel yang anda akan terima semasa pengeluaran Sijil anda.

## Tuntutan

### 26. Bagaimanakah saya boleh mengemukakan tuntutan?

Untuk tuntutan Manfaat Penyakit Kritikal atau Demam Denggi:

Penuntut boleh mendaftar tuntutan dengan menulis e-mel, atau melawat mana-mana cawangan Prudential atau PruBSN bersama dengan dokumen sokongan.

### 27. Apakah dokumen yang diperlukan untuk tuntutan?

Untuk tuntutan Manfaat Penyakit Kritikal:

Penuntut dikehendaki untuk mengemukakan dokumen yang berikut:

- 1) Depan dan belakang gambar Kad Pengenalan
- 2) Gambar swafoto yang memegang pengesahan IC / Kad Pengenalan
- 3) Salinan Sijil Perubatan Sulit (Penyata Doktor untuk penyakit tertentu) - ditandatangani oleh doktor yang merawat Ahli yang Dilindungi)
- 4) Laporan Makmal: Laporan Pemeriksaan Histopatologi, Biopsi, MRI, imbasan dan hasil siasatan (jika berkenaan)

Untuk tuntutan Manfaat Demam Denggi:

Penuntut dikehendaki untuk mengemukakan dokumen yang berikut:

- 1) Depan dan belakang gambar Kad Pengenalan
- 2) Gambar swafoto yang memegang pengesahan IC / Kad Pengenalan
- 3) Tuntutan Manfaat Demam Denggi – Penyata Doktor
- 4) Laporan Makmal / Keputusan Ujian Saringan

Borang tuntutan yang berkaitan boleh dimuat turun dari laman web korporat PruBSN di <https://www.prubsn.com.my/>.

PruBSN boleh meminta dokumen sokongan lain yang relevan, maklumat atau salinan dokumen asal apabila diperlukan.

### 28. Berapakah tempoh tuntutan untuk diproses?

Setelah menerima dokumen yang lengkap, pembayaran tuntutan akan diproses dalam masa 13 hari bekerja.

## Penamatian

### 29. Dalam keadaan apa sijil saya akan tamat?

Sijil anda akan tamat secara automatik (yang mana berlaku dahulu):

- a) apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- b) pada tarikh tamat tempoh sijil Ahli yang Dilindungi; atau
- c) selepas pembayaran penuh Jumlah Dilindungi Manfaat Penyakit Kritikal di bawah sijil; atau
- d) apabila perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi dibatalkan atau ditamatkan; atau
- e) selepas menerima arahan bertulis dari Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan / menyerahkan perlindungan takaful.

### 30. Apa yang harus saya lakukan sekiranya saya ingin meneruskan perlindungan saya di bawah PruBSN Cegah setelah tamatnya sijil saya?

Tertakluk kepada kelayakan anda, anda boleh mempertimbangkan untuk menyertai pelan PruBSN Cegah yang lain dengan pengunderitan dan tempoh menunggu (jika ada) dikecualikan, tertakluk kepada syarat-syarat di bawah:

1. Anda menyertai pelan yang sama seperti Sijil Takaful yang sedia ada dengan manfaat yang sama dan Jumlah yang Dilindungi yang sama sewaktu penyertaan semula; dan
2. Anda membayar sumbangan mengikut umur anda pada hari lahir akan datang sewaktu penyertaan semula; dan
3. Tiada tuntutan Penyakit Kritikal pernah dibuat dibawah Sijil Takaful yang sedia ada.

Jika anda layak untuk meneruskan perlindungan anda selepas tamat tempoh sijil, PruBSN akan menghubungi anda untuk menjelaskan butiran proses yang terperinci sebelum Sijil Takaful anda yang sedia ada tamat tempoh. Anda hendaklah melengkapkan proses penyertaan semula semasa Sijil Takaful anda yang sedia ada masih berkuat kuasa. Slip endorsan akan dikeluarkan kepada anda untuk pengesahan apabila Sijil Takaful baru berkuat kuasa.